

07/01/1999

Tambak Johor akan diroboh

JOHOR BAHRU, Rabu - Tambak Johor, yang menghubungkan Johor Bahru dengan Woodlands di Singapura lebih setengah abad lalu, akan dirobohkan dan diganti dengan sebuah jambatan baru.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Kerajaan Pusat sudah mengenal pasti konsortium tempatan yang akan menjalankan projek itu dan mereka bentuk jambatan bagi menggantikan tambak berkenaan.

Pembinaan jambatan baru itu tidak akan dilakukan di kawasan Tambak Johor sedia ada, sebaliknya di sebuah tapak berhampiran Tanjung Puteri seluas kira-kira 280 hingga 320 hektar.

Menurutnya, pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor itu juga akan membabitkan kerja tebus guna tanah.

"Projek itu akan dimulakan dengan pembinaan jambatan baru dulu. Selepas itu Tambak Johor akan dipecahkan. Jambatan ini juga akan membolehkan air di Selat Tebrau mengalir di sepanjang selat dan tidak terbahagi dua (seperti sekarang)," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyaksikan upacara mengangkat sumpah ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi penggal 1999-2000 di sini, hari ini.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan negeri, Adam Abdul Hamid dan Datuk Bandar, Datuk Hashim Yahaya.

Pada majlis itu, seramai 24 ahli majlis MBJB mengangkat sumpah. Daripada jumlah itu, 12 ahli majlis adalah muka baru manakala 12 lagi adalah ahli majlis lama yang dikekalkan.

Hasrat menggantikan Tambak Johor sejauh 1.1 kilometer yang dibina oleh British pada 1923 itu bukanlah perkara baru malah ia pernah disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Menurut Perdana Menteri, pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor yang dirasmikan pembukaannya oleh Gabenor Sir Laurence Guillemard pada 28 Jun 1924 itu perlu bagi membolehkan air di Selat Tebrau mengalir tanpa halangan supaya kualiti air dan alam sekitar di persekitarannya lebih terjamin.

Laluan air dikatakan tersekat disebabkan dasar Tambak Johor ditanam 23 meter di selat berkenaan. Malaysia dan Singapura pernah membina beberapa terowong di bawah tambak itu bagi membolehkan laluan air, tetapi sering terkambus.

Samy Vellu ketika melawat projek Laluan Kedua pula dilaporkan sebagai berkata, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji kesesuaian sebuah lagi jambatan baru dibina.

Mengulas lebih lanjut pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor, Abdul Ghani berkata, konsortium yang dilantik oleh Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek itu akan membentangkan reka bentuk dan konsep pembinaan jambatan terbabit kepada kerajaan negeri pada 14 Januari ini.

Difahamkan, jambatan berkenaan yang akan dibina mengikut teknologi terkini mempunyai di antara lapan hingga 10 lorong dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden.

(END)